

21 SEP 1997

Mahathir-mata wang

MALAYSIA AKAN HADKAN DAGANGAN MATA WANG, KATA MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

HONG KONG, 21 Sept (Bernama) -- Malaysia akan hadkan urus niaga tukaran wang asing kepada pembiayaan dagangan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama selepas beliau menyarankan spekulasi mata wang diharamkan.

"Kita telah memutuskan, ia tidak seharusnya berterusan kerana ia tidak memberi manfaat. Mengapa harus kita benarkan sesuatu yang membawa kemudaran kepada kita," tanyanya dalam satu temu bual eksklusif dengan "Sunday Morning Post", iaitu terbitan mingguan "South China Morning Post" hari ini.

"Dagangan mata wang akah dihadkan kepada pembiayaan kewangan," kata Perdana Menteri, iaitu lanjutan kepada saranan beliau di seminar Bank Dunia semalam supaya spekulasi mata wang diharamkan.

Dalam temu bual yang disiarkan dalam muka depan akhbar, Dr Mahathir berkata perkara-perkara yang berlaku dalam pasaran mata wang baru-baru ini menunjukkan perlunya dikaji semula pengliberalan kewangan dalam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dan Pertubuhan Perdagangan Sedunai (WTO).

"Institusi kewangan dan bank kita tidak cukup kukuh untuk membanteras institusi kewangan asing yang besar. Jika bank kita kehilangan wang maka kita akan kehilangan bank kita," kata beliau.

Perdana Menteri juga merujuk kepada kritikan dan laporan negatif tentang Malaysia terutamanya dalam majalah antarabangsa berikutan dengan susut nilai ringgit dan kejatuhan pasaran saham baru-baru ini.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata: "Saya tidak akan berputus asa. Kami akan pulihkan ekonomi negara kami.

"Kami akan mengkaji semula semua aspek sebelum kami "mara" ke hadapan," kata beliau.

Dalam ucapan pentingnya di seminar Bank Dunia semalam bersempena dengan mesyuarat tahunan bank dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), Dr Mahathir berkata beliau menyarankan spekulator mata wang diharamkan kerana masyarakat perlu dilindungi dari "pengambil untung tidak berhati perut" dengan membuat keuntungan di pasaran tukaran wang asing tanpa mengambil kira kebajikan negara-negara membangun seperti Malaysia.

"Saya tahu saya mengambil risiko besar, tepi dagangan mata wang tidak perlu dan tidak bermoral," kata beliau.

Dr Mahathir berkata pengliberalan sektor kewangan Malaysia akan dikaji semula berikutan dengan "serangan" terhadap ringgit baru-baru ini.

Ringgit susut nilai sebanyak 20 peratus berbanding dolar Amerika sejak krisis itu bermula, yang didahului oleh susut nilai mata wang bath Thai dalam bulan Julai, dan ini mengakibatkan kejatuhan pasaran saham.

Beliau berkata iltizam di bawah forum dagangan serantau seperti Apec dan WTO akan dikaji semula berikutan apa yang telah berlaku dalam pasaran kewangan sekarang.

Dr Mahathir berkata walaupun niat IMF adalah baik, kaedah yang digunakan adalah tidak begitu membantu.

"Itulah sebabnya kita berhenti meminjam daripada IMF," kata beliau.

Beliau berkata beliau tidak membantah intergrasi dalam ekonomi dunia dan pertumbuhan dalam dagangan, tetapi ia seharusnya tidak tanpa peraturan dan undang-undang.

"Jika kita bayangkan dunia ini sebagai sebuah nenara, kita perlukan peraturan, jika tidak kacau bilau akan berlaku," kata beliau.

Ditanya sama ada beliau akan mendapatkan sokongan daripada

negara-negara serantau untuk menghalang kegiatan spekulasi mata wang, beliau mengakui bahawa "rantau ini adalah sangat lemah".

"Mereka ditekan untuk membuka pasaran. Mereka tidak mempunyai kedudukan untuk berkata tidak."

Tidak diketahui sama ada George Soros, spekulator mata wanga AS yang menjadi sasaran Dr Mahathir, berikutan krisis mata wang dan kejatuhan pasaran saham yang berlaku di Asia Tenggara, adalah di antara 500 orang yang hadir mendengar ucapan Dr Mahathir semalam.

Seorang jurucakap akhbar di mesyuarat tahunan Bank Dunia dan IMF itu menyatakan kepada Bernama dia melihat Soros sebelum Perdana Menteri memberikan ucapannya.

Soros bagaimanapun akan berucap pada satu seminar petang ini dan akan mengadakan sidang berita selepas itu, iaitu satu acara yang juga menarik minat media.

Pas masuk yang dikeluarkan oleh pihak penganjur untuk mendengar ucapan Soros pada pukul 5.30 petang habis dalam tempoh lima minit sahaja.

Dr Mahathir, apabila ditanya oleh pemberita apa yang akan diucapkannya jika beliau bertemu Soros, menjawab: " Selamat siang dan selamat tinggal."

Berkaitan dengan saranan Dr Mahathir supaya spekulasi mata wang diharamkan, Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat Robert Rubin malam tadi mempertahankan dagangan mata wang sebagai sebahagian daripada kegiatan ekonomi dunia.

Rubin yang juga bekas pedagang mata wang di Wall Street berkata: "Biar saya katakan dagangan mata wang pada pendapat saya adalah sangat penting dalam ekonomi moden dunia.

Seorang pegawai IMF berkata ulasan Dr Mahathir adalah "mencabar minda".

IMF bertindak sebagai bank pusat antarabangsa untuk menstabilkan pasaran kewangan antarabangsa, manakala Bank Dunia memberikan pinjaman kepada negara-negara miskin dan membangun untuk melaksanakan projek prasarana mereka.--BERNAMA

AU RI